

>>Oleh Rudy Fazrunisyam
Samarudin
rddy@hmetro.com.my

Peragut 'cabut' nyawa ibu hamil

Mangsa meninggal selepas 36 jam koma akibat jatuh motosikal

JOHOR BAHRU: Bagi babak drama sedih, seorang anak mangsa ragut berusia tujuh tahun terpaksa dipeluk ibu saudara bagi menenangkan keadaan selepas beberapa kali bertanyakan ke mana ibunya pergi.

Puteri Norashikin Salleh tidak berhenti menangis apabila mengetahui ibu tercinta, Jamilah Selamat, 31, meninggal dunia kira-kira 7.30 pagi semalam selepas 36 jam koma di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini.

Dia gagal ditenangkan ahli keluarga dan saudara-mara yang berkumpul di luar bilik mayat HSA, tengah hari semalam.

Bagaimanapun, kanak-kanak itu dapat ditenangkan apabila ibu saudaranya memeluk dan menyuruhnya menghadiahkan al-Fatihah buat bekalan ibu di alam barzakh.

Kenyataan hidup yang dihadapi Puteri Norashikin bersama adiknya, Mohd Khairi Ridwan, 5, begitu pahit kerana dia bukan saja kehilangan ibu tersayang, malah tidak sempat menimang adik selepas arwah disahkan mengandung lebih dua bulan.

Jamilah menemui ajal selepas bertarung nyawa lebih 36 jam dalam keadaan koma apabila terjatuh dari motosikal sebaik beg tangan dalam raga disentak peragut dalam kejadian kira-kira jam 7.30 malam, Ahad lalu, di Taman Air Hitam, Batu Pahat.

Difahamkan, ketika kejadian, Jamilah yang bekerja sebagai jurujual kedai kraftangan di pekan Ayer Hitam, baru membeli makanan dan



PILU...Razali bersama anak tirinya, Puteri Norashikin dan Mohd Khairi menunggu jenazah Jamilah di bilik mayat HSA, semalam.

barangan keperluan harian di sebuah pasar malam untuk dibawa pulang ke rumahnya di Jalan Mekar, Taman Mekar, kira-kira 100 meter dari

lokasi kejadian.

Allahyarham terjatuh dari motosikalnya dengan muka terhentak jalan.

Seorang lelaki yang lalu di

kawasan berkenaan melihat dua lelaki melarikan diri selepas meragut beg tangan mangsa.

Suami mangsa, iaitu bapa tiri Puteri Norashikin, Razali Ahmad, 41, berkata dia berkahwin dengan Jamilah selepas Aidilfitri kira-kira enam bulan lalu selepas isteri pertamanya meninggal dunia akibat kanser.

"Saya mempunyai dua anak berusia 17 dan 15 tahun hasil perkahwinan dengan isteri pertama, manakala arwah mempunyai dua anak berusia tujuh dan lima tahun," kata peniaga makanan di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Machap itu.

Katanya, kejadian ragut menyebabkan nyawa Jamilah melayang itu adalah yang kedua.

Pertengahan tahun lalu, arwah pernah diragut di Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam ketika menunggang motosikal.

Dia kehilangan beg tangan yang juga diletakkan dalam raga.

Menurut Razali, berikutan kejadian itu, seorang rakan mengajar arwah untuk menyimpulkan tali beg tangan

pada cermin sisi bagi mengelaknya mudah dilarikan peragut.

"Berdasarkan cerita rakan, motosikal arwah terseret beberapa meter, mungkin disebabkan sentapan kuat pada beg tangannya yang disimpulkan pada cermin sisi. Ini menyebabkan Jamilah gagal mengawal motosikal sebelum terjatuh," katanya.

Razali berkata, arwah dibawa ke HSA dari Hospital Batu Pahat pada awal pagi Isnin lalu bagi menerima rawatan rapi, tetapi gagal diselamatkan akibat parah di kepala serta muka.

Jenazah isterinya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Air Hitam, petang semalam.

Sementara itu, adik ipar mangsa, Fauziah Ahmad, 34, berkata dia mempunyai sebab untuk membenci dan berdendam dengan peragut.

"Jika saya mempunyai kuasa undang-undang, sudah pasti saya akan menjatuhkan hukuman paling berat termasuk hukuman mati kepada peragut. Mereka bukan saja pencuri, tetapi juga pembunuh," katanya.



MOHD HAFIZUL...jiran maklum kejadian

>Baru kahwin 6 bulan

AYER HITAM: Kebahagiaan rumah tangga sepasang suami isteri hanya bertahan kira-kira enam bulan, apabila si isteri yang mengandung 10 minggu meninggal dunia dalam kemalangan dipercayai berpunca daripada beg tangannya diragut di Jalan Kaloi, Taman Ayer Hitam di sini, Ahad lalu.

Jamilah Selamat, 32, yang parah dan koma sejak kemalangan akibat diragut kira-kira 7.15 malam, meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA) kira-kira 7.30 pagi semalam.

Dalam kejadian ragut itu, Jamilah dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Jalan Mekar, Taman Mekar, kira-kira 100 meter dari tempat kejadian.

Bagaimanapun, apabila tiba di sebuah bonggol di jalan berkenaan, Allahyarham yang

Saksi lihat mangsa terbaring atas jalan

AYER HITAM: Orang ramai yang melihat kejadian ragut mengakibatkan kematian Jamilah Selamat, 32, di Jalan Kaloi, Taman Ayer Hitam, dekat sini, diminta segera tampil ke balai polis kerana tanpa keterangan saksi, kes itu diklasifikasikan sebagai kemalangan biasa dan bukan bersabit jenayah.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Ibrahim Mohd Aris, berkata mana-mana saksi yang melihat kejadian itu perlu tampil menyalurkan maklumat bagi membantu siasatan.

Katanya, siasatan awal mendapati semua saksi yang ada tidak tahu kejadian sebenar dan hanya tiba di tempat kejadian selepas mangsa terbaring di atas jalan raya.

"Bagaimanapun, kami masih menjalankan siasatan dan mengambil kira semua aspek," katanya ketika dihubungi di Batu Pahat, semalam.

Bagaimanapun, abang ipar

Jamilah, Samsudin Ahmad, 52, menegaskan dia diberitahu seorang saksi yang berada di tempat kejadian dan melihat dua lelaki menaiki sebuah motosikal RXZ' biru meragut beg tangan Allahyarham sebelum memecut kenderaan itu untuk melarikan diri.

"Saya diberitahu, seorang saksi melihat kejadian berkenaan dan cuba mengejar motosikal itu. Bagaimanapun, apabila melihat Allahyarham adik ipar saya terbaring berlumuran darah, dia mengambil keputusan membantu Allahyarham," katanya ketika ditemui, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.15 malam, Ahad lalu, mangsa dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Jalan Mekar, Taman Mekar, dari tempat kerjanya di sebuah kedai kraftangan di pekan Ayer Hitam.

Bagaimanapun, apabila tiba di sebuah bonggol di Jalan

Kaloi, Taman Ayer Hitam, iaitu kira-kira 100 meter dari rumahnya, Allahyarham diragut hingga menyebabkan gagal mengawal motosikal dan terjatuh.

Samsudin berkata, dia mendapat tahu mengenai kejadian itu kira-kira jam 7.20 malam dan bergegas ke Hospital Batu Pahat kerana diberitahu Allahyarham dirawat di sana.

"Hasil pemeriksaan doktor, saya diberitahu kecederaan di belakang kepala arwah terlalu dalam seperti hentakan kuat.

"Allahyarham terjatuh dari motosikalnya, namun apabila tiba di bonggol semua orang akan memperlakukan kenderaan dan agak mustahil luka itu dialaminya akibat kemalangan.

"Selain itu, Allahyarham baru pulang dari pasar malam dan membawa pelbagai barang selain mengandungi 10 minggu. Mustahil Allahyarham akan menunggang



DI SINI...Samsudin (kiri) menunjukkan tempat Jamilah terjatuh selepas dipercayai diragut.

laju dengan banyak barang di bakul motosikalnya dan keadaan dirinya itu," katanya.

Menurutnya, Allahyarham dipindahkan ke Hospital Sul-

tanah Aminah (HSA) Johor Bahru, untuk mendapatkan rawatan lanjut pada kira-kira jam 12.45 tengah malam kejadian.

Allahyarham yang menunggang motosikal Honda EX5 dipercayai hilang kawalan disyaki ditolak sebelum terjatuh manakala beg duitnya hilang.

Anak tirinya, Mohd Hafizu Razali, 19, berkata ketika kejadian dia berada di rumah bersama seorang adik, Nur Farahim, 15 dan dua adik tirinya, Puteri Norashikin Mohd Salleh, 7 dan Mohd Khairi Ridwan, 5.

"Saya hanya diberitahu mengenai keadaan ibu apabila jiran mengatakan ternampak ibu terbaring di jalan raya hanya kira-kira 100 meter dari rumah kami. "Kami empat beradik bergegas ke tempat kejadian dan mendapati darah keluar dari hidung dan telinga kanan ibu.

"Ketika itu, ibu masih bernyawa, namun sudah tidak sedarkan diri dan parah. Orang ramai yang berada di situ menghubungi klinik kesihatan berhampiran dan ibu dibawa ke klinik menaiki ambulans," katanya.